

14/01/2000

Ibrahim sedia pertahan jawatan MT

PASIR MAS, Khamis - Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, bersedia mempertahankan jawatan MT sekiranya mendapat pencalonan daripada ahli dan perwakilan.

Bagaimanapun, beliau tidak bercadang untuk bertanding jawatan Naib Presiden Umno.

Katanya, beliau sedar laluan untuk pemimpin yang tidak ada jawatan dalam kerajaan seperti beliau tidak semudah disangkakan kerana akan berhadapan dengan saingan hebat daripada kalangan pemimpin tertinggi kerajaan dan parti.

"Sama ada hendak bertanding jawatan naib presiden atau mempertahankan jawatan ini (MT) bukan kita menentukan, tetapi ahli dan perwakilan berhak berbuat demikian kerana pencalonan datang daripada mereka.

"Tambahan pula saya memegang jawatan MT selama dua penggal bukan hasil pertandingan sebaliknya dilantik Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"(Tetapi) kalau ada pencalonan kali ini, Insya-Allah saya akan bertanding. Saya bukan seorang `oportunis'... Saya tidak pandai bermain dengan kata-kata manis untuk mendapatkan tempat. Saya adalah orang perjuangan," katanya kepada Berita Harian ketika ditemui di kediamannya di Taman Mimi, dekat sini petang ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pergerakan Pemuda Umno Kelantan, kelmarin yang mahukan pemimpin negeri itu bertanding di kerusi nombor tiga parti.

Ketua Penerangan Pemuda Umno, Abdul Aziz Awang dilaporkan berkata, Pemuda mengambil sikap menyokong mana-mana pemimpin negeri ini yang bercadang bertanding jawatan naib presiden, pada pemilihan Mei ini.

Katanya, sehingga ini Pemuda belum menerima maklum balas daripada pemimpin terbabit berhubung hasrat masing-masing sama ada hendak bertanding (naib presiden) atau tidak.

(END)